



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II (B.2 EB.3 / B.2)
JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II**
JABATAN PENTDIBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. TANGGAGAJI B.2 EB.3

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Computing / Computer Informatics / Computer Networking / Internet Computing / Technology* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

2. TANGGAGAJI B.2

i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Computing / Computer Informatics / Computer Networking / Internet Computing / Technology* atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.


ATAU

ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

3. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dikehendaki lulus peperiksaan berikut:

- i) Peperiksaan Jabatan (jika ada);
- ii) Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
- iii) Peraturan-Peraturan Kewangan.

Peperiksaan ii dan iii akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.



4. Berkemahiran dalam pengendalian dan pelaksanaan projek di pelbagai peringkat.
5. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan tugas di bawah Unit Sumber Digital dan Inovasi, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan;
2. Menjadi Timbalan Ketua Projek 2 (*Internal Services*) di Jawatankuasa *Taskforce* Pendigitalan Perkhidmatan selaku penyelaras dan memantau pembinaan sistem;
3. Melaksanakan proses-proses berkaitan pendigitalan proses kerja;
4. Bertanggungjawab dalam pembinaan / penyelenggaraan menggunakan *platform Laravel, PHP, MySQL, Oracle, Linux, Tailwind* dan *CSS* dan sebagainya;
5. Menyelaras dan berkomunikasi dengan pihak-pihak berkepentingan dalam melaksanakan proses pendigitalan perkhidmatan Kementerian Pendidikan;
6. Menyediakan laporan / dokumen (*Documentation*) terhadap skop teknikal, *coding, language, platform, source code* dan sebagainya; dan
7. Melaksanakan segala tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.